

# LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK INSURANS KEMEROSOTAN STOK

Tarikh: 04/2026

## Pelanggan yang dihormati,

Lampiran Pemberitahuan Produk ini memberikan maklumat penting mengenai insurans Insurans Kerosotan Stok.

Pelanggan lain telah membaca Lampiran Pemberitahuan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya**

### 1 Apakah Insurans Kerosotan Stok?

Polisi ini menyediakan insurans terhadap kerosotan stok sejuk, peti sejuk atau beku dalam storan sejuk disebabkan oleh sebarang kehilangan atau kerosakan fizikal yang tidak dijangka dan tiba-tiba pada jentera yang boleh menanggung rugi di bawah Insurans Kerosakan Jentera.

### 2 Apakah Insurans Semua Risiko Kontraktor?

Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza-beza bergantung pada pendedahan risiko dan keperluan pengunderaitan kami.

#### Polisi ini melindungi:

Kehilangan atau kerosakan pada barang mudah rosak sekiranya jentera penyimpanan sejuk mengalami kerosakan yang mengakibatkan turun naik suhu.

#### Polisi ini **tidak melindungi**:

- Kerugian/kehilangan berpunca daripada pengecutan, kecacatan atau
- penyakit yang sedia ada, kerosotan semula jadi atau pembusukan
- semula jadi;
- Penyimpanan yang tidak sempurna, kerosakan pada bahan
- membungkus, edaran udara yang kurang, suhu yang tidak diseragamkan
- Pembaikan sementara ke atas jentera penyejukan yang ditetapkan
- dalam senarai jentera yang dijalankan tanpa izin Penanggung
- Insurans • Penalti kerana kelewatan, kerugian turutan
- Perang, perang saudara dan sebagai tindakan keganasan
- Reaksi nuklear, sinaran nuklear atau pencemaran radioaktif
- Tindakan sengaja atau kecuaiannya sengaja
- Kebakaran, kilat secara langsung, letupan kimia, kerosakan dari pesawat udara, kecurian, keruntuhan bangunan, banjir, mala petaka
- alam.

**Nota:** Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian bagi polisi ini.

**Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan berkaitan perlindungan insurans anda, anda boleh:**



Hubungi Kami di  
1-800-888-458



Layari Kami di  
[www.progressiveinsurance.com.my](http://www.progressiveinsurance.com.my)



Email Kami di:  
[customercare@progressiveinsurance.com.my](mailto:customercare@progressiveinsurance.com.my)



Imbas kod  
QR di atas

### 3 Ketahui Kewajipan Anda

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami:	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
(+) Duti Setem	RM 10.00
(+) Cukai Perkhidmatan	8% daripada Premium Kasar
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (Jika ada)	15% daripada Premium Kasar

#### MAKLUMAT PENTING YANG PERLU ANDA TAHU

<b>A</b>	Tempoh perlindungan adalah satu (1) tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun.
<b>B</b>	Anda mesti memastikan bahawa jumlah yang diinsuranskan adalah sama dengan anggaran harga jualan maksimum yang boleh diperolehi untuk barangan yang disimpan dalam tempoh polisi ini, harga jualan maksimum tersebut ditunjukkan dalam Jadual yang dikemukakan oleh anda sebelum permulaan insurans.
<b>C</b>	"Kemalangan" bermaksud kenaikan atau penurunan suhu akibat kerosakan Loji Penyejukan, kecuali oleh kilat kebakaran atau letupan banjir atau banjir atau kegagalan kemalangan bekalan elektrik awam di hujung terminal penyuaap perkhidmatan Pihak Berkuasa Bekalan di Premis yang tidak disebabkan oleh tindakan sengaja kemarau Pihak Berkuasa Bekalan.
<b>D</b>	Syarat caruman: Jika pada masa apa-apa tuntutan timbul di bawah Polisi terdapat sebarang insurans lain yang melindungi kerugian, kerosakan atau liabiliti yang sama, kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbang lebih daripada bahagian berkadar mana-mana tuntutan untuk kerugian, kerosakan atau liabiliti tersebut.
<b>E</b>	Waranti Premium: Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan. Kegagalan untuk membayar premium dalam tempoh ini, boleh menyebabkan Polisi dibatalkan secara automatik. Kami berhak mendapat premium pro-rata untuk enam puluh (60) hari yang kami berikan perlindungan.
<b>F</b>	Anda mesti memberitahu kami dengan segera tentang sebarang tuntutan dan mengambil langkah yang munasabah untuk meminimumkan kerugian atau kerosakan.
<b>G</b>	Lebihan / Deduktibel: Ini ialah jumlah yang anda perlu tanggung sekiranya berlaku tuntutan (jika berkenaan).

**Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada polisi untuk senarai penuh terma dan syarat**

#### Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Ya, Anda boleh membatalkan polisi anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan, sebarang bayaran balik premium adalah berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan dalam kontrak polisi. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dikembalikan jika terdapat tuntutan yang dibayar atau diserahkan kepada kami semasa tempoh Polisi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Progressive Insurance Bhd atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my))